

Pemuda Kubang Pasu tak ³⁰ percaya ada sabotaj UMNO 21 DEC 1996

ALOR SETAR 20 Dis. — Pergerakan Pemuda UMNO Kubang Pasu tidak percaya wujudnya unsur sabotaj ketika borang pencalonan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad diisi untuk bertanding dalam pilihan raya umum lalu.

Ketuanya, Mohd. Radzi Ayob berkata, mungkin berlaku kesilapan yang tidak disengajakan ketika borang pencalonan Perdana Menteri diuruskan oleh mereka yang berkenaan.

Menurutnya, borang tersebut juga diuruskan oleh mereka yang rapat dengan Perdana Menteri yang merupakan Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu.

“Saya tidak percaya dalam UMNO Kubang Pasu ada pihak yang mahu mensabotaj Perdana Menteri,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini berhubung kenyataan Perdana Menteri yang mengesahkan bekas Setiausaha Politikanya, Datuk Saad Man tidak terlibat dalam komplot mensabotajkan borang pencalonannya untuk bertanding di Parlimen Kubang Pasu.

Ketika mengumumkan barisan kabinet 10 Disember lalu, Dr. Mahathir mendedahkan ada orang sengaja silap menulis namanya dalam borang pencalonan yang hampir menyebabkan beliau tersingkir pada pilihan raya lalu.

Saad yang juga Naib Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu dilaporkan telah melepaskan jawatan Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri awal bulan ini.